



PERBENDAHARAAN NEGERI SELANGOR
PEKELILING PERBENDAHARAAN NEGERI SELANGOR
BIL. 3 TAHUN 2011

Kepada
Semua Ketua Jabatan Negeri Selangor

GARISPANDUAN PEMBAYARAN SAMAN/KOMPAUN BAGI
KENDERAAN JABATAN

1. TUJUAN

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memberi garis panduan dan pelaksanaan kaedah pembayaran saman/kompaun bagi kesalahan lalulintas, pelanggaran lampu isyarat serta kesalahan meletak kereta bagi kenderaan-kenderaan di bawah hak milik berdaftar Jabatan-jabatan di Negeri Selangor.

2. LATAR BELAKANG

2.1 Pemakluman tentang isu tunggakan saman Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan saman Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) serta kaedah penyelesaian saman kenderaan kerajaan telah dijelaskan oleh Kementerian Kewangan Malaysia melalui surat KK/BP 10/820/438/4-1 Klt. 24(17) bertarikh 28 Jun 2007.

2.2 Pihak PDRM telah mengeluarkan notis peringatan saman trafik ke atas kenderaan Jabatan dari masa ke semasa dan kegagalan menjelaskan pembayaran saman tersebut dalam tempoh yang ditetapkan, boleh menyebabkan kenderaan jabatan disenaraihitamkan dan secara tidak langsung akan menjejaskan pembaharuan cukai jalan untuk semua kenderaan tersebut.

2.3 Kerajaan Negeri juga terpaksa membelanjakan wang yang banyak untuk menjelaskan saman/kompaun bagi mengelakkan kenderaan disenaraihitamkan serta mengelakkan kenderaan jabatan tidak dapat digunakan.

3. PERATURAN PEMBAYARAN SAMAN KENDERAAN JABATAN

- 3.1 Bagi kenderaan jabatan yang digunakan secara guna sama, pemandu kenderaan tersebut semasa kesalahan dilakukan adalah bertanggungjawab untuk menyelesaikan saman berkenaan. Namun begitu, sekiranya kesalahan itu dilakukan atas arahan dan permintaan pegawai semasa menggunakan kenderaan Jabatan, maka pegawai tersebut perlu dipertanggungjawabkan dengan syarat arahan itu dicatat oleh pemandu di dalam Buku Log dan disahkan oleh pegawai; dan
- 3.2 Bagi kereta Rasmi, pegawai yang tidak disediakan pemandu adalah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas saman yang dikeluarkan. Bagi pegawai yang disediakan pemandu, pemandu atau pegawai yang melakukan kesalahan adalah bertanggungjawab ke atas saman tersebut dan penentuan siapa yang melakukan kesalahan perlulah dirujuk kepada Buku Log.
- 3.3 Bagi jabatan-jabatan yang mempunyai saman-saman tertunggak sebelum 1 Januari 2011 hendaklah

mengemukakan senarai saman kepada Cawangan Trafik, Jabatan KDN/KA, PDRM Bukit Aman untuk mendapatkan pengecualian pembayaran atau pengurangan ke atas kadar bayaran saman. Pembayaran saman hendaklah dijelaskan oleh pemandu/jabatan berdasarkan kepada catatan di dalam Buku Log dan tertakluk kepada budi bicara Jabatan masing-masing.

3.4 Bagi saman-saman yang dikeluarkan selepas 1 Januari 2011, setiap saman hendaklah dibayar pemandu berkenaan, kecuali kesalahan saman itu berlaku diatas arahan pegawai, maka tanggungjawab membayar saman tersebut terletak ke atas pegawai tersebut.

3.5 Ketua Jabatan dikehendaki mengeluarkan surat peringatan mengenai saman trafik yang diterima daripada PDRM dan PBT kepada pemandu/pegawai yang terlibat selepas semakan dan siasatan dibuat berdasarkan Buku Log atau lain-lain dokumen sokongan yang berkaitan.

3.6 Pemandu atau pegawai yang terlibat dikehendaki menjelaskan bayaran saman selewat-lewatnya dua(2) minggu daripada tarikh surat peringatan mengenai saman trafik tersebut dan terus mengemukakan salinan resit bayaran saman kepada Jabatan bagi tujuan rekod.

3.7 Bagi pemandu dan pegawai kenderaan yang terlibat tidak memberikan sebarang maklum balas terhadap surat peringatan tersebut dianggap gagal membuat penyelesaian saman dan jabatan dikehendaki mengambil tindakan membuat potongan gaji mengikut jumlah saman yang dikenakan.

4. TARIKH KUATKUASA

4.1 Pekeliling ini berkuatkuasa mulai dari tarikh ianya dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Yang benar,

(DATO' MOHD ARIF BIN AB. RAHMAN)

Pegawai Kewangan Negeri
Selangor Darul Ehsan

Tarikh: 1 Mac 2011